

16/11/1998

Polis sembur air surai demonstrasi

Mohd Zin Ali; Johnny Giles Senin; Fazallah Pit

KUALA LUMPUR, Ahad - Polis terpaksa menyembur air bagi menyuraikan kira-kira 100 penyokong gerakan reformasi yang mengadakan perhimpunan haram di Jalan Ampang berhadapan menara berkembar Petronas di sini, hari ini.

Kira-kira 100 anggota Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dikerah ke situ bagi mengelak keadaan buruk berikutan rusuhan di Kampung Baru malam tadi yang tidak dikawal polis beruniform.

Kejadian malam tadi juga menyebabkan beberapa anggota polis berpakaian preman dipukul perusuh dan dua motosikal polis dibakar.

Berikutan kejadian itu, polis dipercayai mula bertindak tegas menyuraikan tunjuk perasaan di Jalan Ampang apabila kumpulan berkenaan mula berhimpun di situ sejak jam 1.30 tengah hari.

Kumpulan itu yang dikatakan sengaja mengadakan perhimpunan di situ yang menjadi tumpuan warga kota pada cuti hujung minggu, juga menayangkan poster Datuk Seri Anwar Ibrahim sambil menyanyi serta mengejek polis dan menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penunjuk perasaan itu bagaimanapun bertempiaran lari. Ada yang berlindung dalam pusat beli-belah Suria KLCC apabila polis melepaskan tembakan meriam air jam 2.40 petang.

Polis juga terpaksa menyembur air sekali lagi apabila orang ramai masih berkumpul di pintu masuk Suria KLCC kira-kira jam 2.45 petang selepas amaran Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Senior Asisten Komisioner II Zainal Abidin Ali tidak dihiraukan.

Ketika dihubungi, Zainal berkata, polis menahan enam orang yang disyaki terbabit dalam perhimpunan itu.

Sebelum itu, satu lagi perhimpunan haram dikenali Perhimpunan Solidaritas Rakyat Asia Pasifik diadakan berhampiran kawasan itu dipercayai dianjurkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kira-kira jam 11.30 pagi.

Kira-kira 100 orang termasuk warga asing dipercayai ahli NGO luar negara, berhimpun di belakang Suria KLCC.

Dalam perhimpunan itu, beberapa orang turut berucap, antaranya Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Hussin Ali; Pengerusi Gagasan Demokrasi Rakyat, Tian Chua serta wakil dari Filipina dan Indonesia.

Bagaimanapun, polis tidak mengambil sebarang tindakan ke atas kumpulan NGO itu yang mengadakan perhimpunan secara aman. Kumpulan itu bersurai kira-kira jam 12 tengah hari.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamarudin Md Ali, berkata polis tidak menolak kemungkinan penyokong reformasi menggunakan nama pegawai atasan polis bagi menarik sokongan orang ramai.

Menurutnya, selain nama beliau, nama pegawai atasan polis tertentu digunakan bagi menghalang tugas anggota polis berpakaian biasa serta wartawan yang membuat liputan ketika perhimpunan malam tadi.

Sehubungan itu, Kamarudin berkata, dakwaan seorang lelaki berusia lingkungan 20 tahun yang mengaku anak beliau dan mengancam jurugambar tempatan, tidak benar dan berniat jahat.

"Anak saya dua orang. Seorang daripadanya tidak ada di sini kerana menuntut di sebuah institut pengajian tinggi di utara Semenanjung dan seorang lagi anak perempuan.

"Jadi, macam mana lelaki itu boleh mendakwa sebagai anak saya," katanya ketika dihubungi Berita Harian, hari ini.

Kamarudin juga berkata, polis tidak pernah menghalang wartawan tempatan

dan asing membuat liputan selagi tidak mengganggu tugas serta siasatan polis atau yang membahayakan keselamatan mereka.

Ditanya kejadian seorang anggota polis terpaksa melepaskan satu das tembakan ke udara, beliau berkata, perusuh seharusnya tidak mengganggu polis yang bertugas.

"Polis hanya berkawal dan tidak menghalang mereka berdemonstrasi tetapi mengapa serang polis. Kalau mereka tahu seseorang itu anggota polis yang pakaian biasa. Biarlah

"Jangan ancam atau serang mereka kerana mereka hanya memerhatikan sahaja perhimpunan itu. Akibatnya, seorang jurugambar yang mereka sangka polis pula yang dipukul," katanya.

(END)